

## Soalan Temu Bual

1. Kalendar manakah yang dijadikan sandaran utama dalam pengiraan takaful am (*motor dan non motor*) di syarikat Tuan?
2. Jika kalendar Hijri dan Gregory digunakan, berapakah jumlah hari yang diambil?
3. Apakah pengiraan takaful am (*motor dan non motor*) berdasarkan kiraan hari?
4. Jika tidak berdasarkan hari, apakah *indicator* yang digunakan untuk mengira takaful tersebut?
5. Berdasarkan pengamalan di syarikat tuan, bolehkah peserta takaful membayar/ menyumbang takaful am (*motor dan non motor*) berdasarkan bayaran bulanan, suku tahunan, setengah tahun dan setahun?
6. Bolehkah peserta takaful membuat tambahan hari (*extension*) untuk takaful berikut:-
  - 1- Motor
  - 2- Non Motor
7. Jika jawapan tuan ya, adakah tambahan hari itu dikira berdasarkan jumlah hari?
8. Adakah pihak syarikat memberi ncd/ncb terhadap takaful am (*motor dan non motor*) jika peserta membuat sumbangan sebelum cukup setahun Masihi/Gregory?
9. Berdasarkan amalan di syarikat tuan, adakah pengiraan tahun kewangan baru dikira berdasarkan 1hb Januari mengikut kalendar Gregory setiap tahun?

10. Bolehkah sumbangan takaful am di bayar/disumbang melebihi setahun, mengikut amalan bayaran yang dilakukan sekarang di syarikat tuan?
11. Adakah pengiraan sumbangan dalam tahun Hijri boleh menguntungkan pengguna/ peserta takaful?
12. Adakah pengiraan sumbangan dalam tahun hijri boleh menguntungkan syarikat takaful?
13. Boleh atau tidak kalendar Hijri dilaksanakan di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd (TISB)
14. Adakah menggunakan kalendar Hijri menguntungkan syarikat takaful?
15. Adakah menggunakan kalendar Gregory menguntungkan syarikat takaful?
16. Berapakah produk yang menggunakan kalendar Gregory di syarikat tuan?
17. Ada atau tidak produk yang menggunakan kalendar Hijri di syarikat tuan?
18. Wajar atau tidak PIAM, MTA terlibat dalam melaksanakan penggunaan kalendar hijri ini.
19. Bagaimanakah sumbangan *premium number of days* dikira ?
20. Adakah pengiraan takaful am (motor) berdasarkan pro rata (*prorate*)?
21. Adakah *shareholder* boleh menerima konsep penggunaan kalendar Hijri ini?
22. Adakah tuan memahami penggunaan kalendar Hijri terdapat di dalam al-Quran?
23. Adakah relevan penggunaan kalendar Hijri dilaksanakan?
24. Bagaimana tuan melihat isu penggunaan kalendar Hijri dalam industry takaful boleh dilaksanakan?
25. Adakah jika kalendar Hijri dilaksanakan ia membabitkan masalah tuntutan (*claim*)?
26. Bagaimana tuan melihat kesan terhadap pentadbiran syarikat?

27. Bagaimana tuan melihat kesan terhadap peserta takaful?
28. Bagaimanakah perbezaan hari dapat memberi keuntungan kepada peserta dan syarikat takaful
29. Bolehkah tuan mulakan sebagai dwi pilihan penggunaan kalenda Hijri ini?
30. Bolehkah prof jelaskan tentang teori perbezaan hari antara kalendar Hijri dan Gregory?
31. Adakah penggunaan kalendar Hijri boleh dilaksanakan dalam industry takaful?
32. Adakah terdapat data-data di syarikat tuan berkaitan penggunaan kalendar Hijri?
33. Pernahkah syarikat tuan menggunakan kalendar Hijri dalam urusan berkaitan pentadbiran?
34. Berapakah jumlah hari yang diambil dalam tahun kewangan tuan setiap tahun?
35. Bila tuan tutup akaun kewangan setiap tahun bagi syarikat tuan?
36. Bolehkah tuan jelaskan pengiraan takaful motor di syarikat tuan? Dan bagaimana caranya?